



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 67 / 2019

SPR PAMER RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN SUKE KEDUA TAHUN 2019

1. Dalam tempoh urusan pendaftaran pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2019 (ST2/2019), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima sebanyak **27,505 permohonan pendaftaran pemilih baru** daripada warganegara yang layak dan **11,627 permohonan pertukaran bahagian pilihan raya** daripada pemilih berdaftar.
2. Selaras dengan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi ST2/2019 akan dipamerkan selama 14 hari mulai **31 Julai hingga 13 Ogos 2019** di 957 tempat-tempat pameran di seluruh negara seperti di Lampiran.
3. Pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baharu dan pemilih berdaftar yang memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 April 2019 hingga 30 Jun 2019 dinasihatkan untuk menyemak nama mereka dalam Rang DPT ST2/2019. Sekiranya pemohon mendapati namanya tidak disenaraikan dalam Rang DPT ST2/2019, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** melalui **Borang B**.
4. Bagi pemilih-pemilih berdaftar di satu-satu bahagian pilihan raya yang hendak membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama mana-mana

orang di dalam Rang DPT ST2/2019 dalam satu-satu bahagian pilihan raya, mereka bolehlah berbuat demikian, dengan mengisi **Borang C**.

5. Tuntutan atau Bantahan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pemilih (Pengarah Pilihan Raya Negeri) bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh pameran Rang DPT itu diadakan.
6. Semasa tempoh Pameran Rang DPT ST2/2019, SPR juga mempamerkan nama-nama pemilih yang akan dikeluarkan daripada daftar pemilih. Antara asas SPR mengeluarkan nama pemilih berkenaan daripada daftar pemilih ialah kerana mereka telah meninggal dunia atau hilang taraf kewarganegaraan berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.
7. Bagi pegawai dan anggota Polis dan Tentera yang telah tamat perkhidmatan pula, SPR bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam mengemaskini maklumat lokaliti pengundian mereka dari lokaliti polis dan tentera ke lokaliti awam dengan mengekalkan bahagian Pilihan Raya Parlimen dan DUN sedia ada masing-masing.
8. Tindakan pengemaskinian ini adalah bagi memastikan mereka akan mengundi sebagai Pengundi Biasa dan bukan lagi sebagai Pengundi Awal kerana mereka telah menamatkan perkhidmatan Polis atau Tentera. Jumlah yang terlibat ialah seramai **959** orang yang terdiri daripada **121** orang pesara Tentera, **834** pesara Polis dan **4** orang

pasangan pesara Polis PGA. Semua nama pesara Tentera dan Polis serta pasangan ini juga dipamerkan semasa Pameran Rang DPT kali ini.

9. Sehubungan dengan itu, SPR menyeru kepada semua pemohon yang telah memohon untuk mendaftar sebagai pemilih baru dan pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya mulai 1 April 2019 hingga 30 Jun 2019 supaya membuat semakan nama mereka di tempat-tempat pameran yang telah diwartakan.
10. Sebarang pertanyaan mengenai pameran Rang DPT ST2/2019 boleh menghubungi Ibu Pejabat SPR melalui nombor telefon 03-8892 7018 atau menghubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri. Pemohon juga boleh melayari portal SPR di www.spr.gov.my atau menerusi aplikasi telefon pintar MySPR Semak untuk menyemak senarai nama yang dipamerkan dalam Rang DPT ST2/2019.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 29 Julai 2019 / 26 Zulkaedah 1440H

LAMPIRAN

**JUMLAH TEMPAT-TEMPAT PAMERAN
RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN (RDPT) SUKU TAHUN KEDUA
TAHUN 2019**

BIL.	TEMPAT	JUMLAH
1.	Ibu Pejabat SPR Putrajaya	1
2.	Pejabat Pilihan Raya Negeri	14
3.	Pejabat Pos	428
4.	Kompleks/ Pejabat Kerajaan	88
5.	Pejabat Daerah/ Pejabat Tanah	180
6.	Majlis Daerah/ Perbandaran	64
7.	Dewan Serbaguna/ Rukun Tetangga/ Balai Raya/ Pejabat Penghulu/ Dewan	165
83	Lain-Lain Tempat	17
	JUMLAH	957